

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sebelas

### Kemurtadan, Tempat-tempat Tinggi, dan Pemulihan Tapak Kesatuan yang Sejati

Bacaan Bible: 1 Raj. 12:25-33; 13:33-34; Ul. 12:2-18

#### I. Kemurtadan Yerobeam boleh dianggap sebagai tamsil bagi Kristianiti hari ini—1 Raj. 12:25-33; 13:33-34:

- A. Kemurtadan bermakna meninggalkan jalan Tuhan dan mengambil jalan lain untuk mengikut hal yang lain selain Tuhan, serta melakukan hal untuk diri di bawah nama Yesus Kristus dan di bawah selindung menyembah Tuhan—Kis. 9:2; 18:26; 2 Ptr. 2:2, 15, 21; Yud. 11; Hak. 18:30-31.
- B. Kemurtadan Yerobeam termasuk lima perkara:
  1. Yerobeam membuat dua anak lembu daripada emas (berhala), menempatkan satu di Betel dan satu lagi di Dan, untuk menyimpangkan rakyat agar tidak menyembah di Yerusalem, dengan itu melanggar ketetapan Tuhan, iaitu hanya ada satu pusat penyembahan yang unik di Tanah Kudus bagi memelihara kesatuan bani Israel—1 Raj. 12:26-30; Ul. 12:2-18.
  2. Yerobeam membina bait di tempat-tempat tinggi dan mengangkat hentar daripada kalangan rakyat biasa yang bukan daripada suku Lewi—1 Raj. 12:31; 13:33b; 2 Taw. 13:9.
  3. Yerobeam menetapkan perayaan pada hari kelima belas pada bulan kelapan (bulan yang dirancang dalam hatinya) seperti perayaan yang ada di Yehuda—1 Raj. 12:32a, 33b.
  4. Yerobeam mempersembahkan korban di atas mazbah di Betel kepada anak-anak lembu yang dibuatnya, dan dia menempatkan para hentar bagi tempat-tempat tinggi di Betel—ay. 32b-33a.
  5. Yerobeam naik ke mazbah walaupun dia bukan hentar—ay. 33b.
- C. Kemurtadan Yerobeam menjadi dosa serius yang menyebabkan seluruh kerabatnya dihapuskan di bawah penghakiman Tuhan dan akhirnya membawa Israel ke dalam penawanan—13:34; 14:7-11, 15-16; 15:29-30; 2 Raj. 17:20-23.
- D. Pusat-pusat penyembahan yang didirikan oleh “Yerobeam” hari ini sebenarnya merupakan pusat-pusat bagi cita-cita liar:
  1. Perpecahan dalam Kristianiti berpunca daripada sifat mementingkan diri dan cita-cita liar.
  2. Disebabkan sesetengah orang bercita-cita liar hendak memiliki empayar demi memuaskan nafsu mereka yang mementingkan diri, mereka mengabaikan pilihan Tuhan.
- E. Dalam ekonomi Wasiat Baru Tuhan, semua percayawan sejati dalam Kristus dijadikan hentar kepada Tuhan, tetapi Kristianiti yang jatuh telah mendirikan satu sistem yang melantik percayawan tertentu untuk melakukan pelayanan terhadap Tuhan, menjadikan mereka golongan paderi berhierarki dan menjadikan percayawan yang lain sebagai orang biasa; ini merupakan amalan yang murtad, yang harus kita benci dan tinggalkan—1 Ptr. 2:9; Wahi 1:6; 5:10; 2:6, 15.
- F. Disebabkan Kristianiti hari ini penuh dengan kemurtadan, Tuan memerlukan pemulihan—pemulihan hayat dan kebenaran—Yer. 2:11, 13, 19; Wahi 2:6, 15; 1 Yoh. 1:1-2, 5-6; Yoh. 18:37b; 10:10b.
- G. Perbekalan hayat dan wahi kebenaran ialah penawar-penawar yang digunakan oleh dutus untuk menanggulangi kemurtadan dan kemunduran gereja—1 Yoh. 1:1-2, 5-6; Yoh. 18:37b; 10:10b; 2 Ptr. 1:3-21; 2 Tim. 1:1, 10; 2:15, 25.

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

Mesej Sebelas (sambungan)

- II. Untuk memulihkan dan memelihara kesatuan serba merangkumi yang sejati, kita harus memusnahkan tempat-tempat tinggi—1 Raj. 11:7-8; 12:26-33; 13:33-34; 14:22-23; 15:14; 22:43; 2 Raj. 12:2-3; 14:3-4; 15:3-4, 34-35:**
- A. Tempat-tempat tinggi merupakan tempat bangsa Asing menyembah berhala mereka.
  - B. Semasa bani Israel memasuki tanah Kanaan untuk mendudukinya, Tuhan memerintahkan mereka agar memusnahkan semua tempat tinggi kepunyaan bangsa-bangsa—Ul. 12:1-3:
    1. Membina tempat tinggi bererti mengadakan perpecahan; oleh itu, makna tempat tinggi ialah perpecahan.
    2. Untuk memelihara kesatuan umat-Nya, Tuhan menuntut agar mereka datang ke tempat unik pilihan-Nya; tempat-tempat tinggi ini menjadi pengganti dan alternatif bagi tempat unik ini—ay. 8, 11, 13-14, 18.
    3. Dalam buku 1 Raja-raja, dua orang raja—Salomo dan Yerobeam—memimpin untuk mendirikan tempat-tempat tinggi; yang pertama melakukannya disebabkan pemuasan nafsu dan yang terkemudian melakukannya disebabkan cita-cita liar—11:7-8; 12:27.
  - C. Tempat tinggi ialah sesuatu yang ditinggikan, yang diangkat melebihi tahap biasa:
    1. Ini menunjukkan bahawa tempat tinggi melibatkan perjunjungan sesuatu.
    2. Dari segi prinsip, setiap tempat tinggi, setiap perpecahan, dalam Kristianiti melibatkan peninggian, perjunjungan, sesuatu selain Kristus—bd. Kol. 1:18.
  - D. Catatan tentang pembinaan tempat-tempat tinggi di bawah Salomo dan Yerobeam mempunyai makna rohani; ini ditulis untuk pengajaran rohani kita—Roma 15:4-6:
    1. Tempat-tempat tinggi yang dibina oleh Salomo dan Yerobeam membawa kerrosakan yang serius kepada tapak kesatuan—1 Raj. 11:7-8; 12:26-33.
    2. Dalam kehidupan gereja, kita tidak seharusnya mempunyai apa-apa tempat tinggi; sebaliknya, kita semua harus berada pada tahap yang sama untuk menjunjung Kristus—Kol. 1:18; 3:10-11.
    3. Mana-mana tempat tinggi, bahkan yang menjadi tempat persembahan korban sembelihan yang sejati, membawa kerosakan kepada tapak kesatuan.
  - E. Pemusnah tempat-tempat tinggi melibatkan tiga perkara yang utama: tempat, imej, dan nama—Ul. 12:2-3:
    1. Secara rohani, kita mesti memusnahkan setiap tempat selain gereja dan setiap nama selain nama Kristus; ini bermakna bahawa kita mesti menghapuskan budaya, disposisi, pembawaan, tabiat, ciri-ciri alamiah, pilihan, latar belakang agama kita berserta pengaruhnya—segala-gala yang merosakkan kesatuan sejati—Gal. 2:20; 5:24; 6:14.
    2. Untuk menggenapi kata-kata dalam Kolose 3:11, setiap tempat yang lain harus dibinasahabiskan:
      - a. Kita harus memusnahkan segala-gala yang bukan gereja berserta Kristus.
      - b. Kita hanya perlu berada dalam kehidupan gereja untuk menikmati Kristus sebagai kekayaan tanah permai—Ul. 8:7-9; Ef. 3:8.
    3. Kehidupan gereja telah dilemahkan disebabkan kekurangan kerelaan untuk memusnahkan tempat-tempat tinggi—1 Raj. 15:14; 22:43:
      - a. Dalam kehidupan dan budaya kita terdapat banyak tempat yang masih tinggal, yang perlu dimusnahkan; kita harus memusnahkan semuanya dan

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Sebelas (sambungan)

kemudian pergi ke tempat pilihan Tuhan yang unik, iaitu gereja—Gal. 5:24; Mat. 16:18.

- b. Di setiap tempat yang harus dimusnahkan, terdapat tiang, simbol, atau imej yang khusus; dalam perwatakan atau disposisi kita mungkin terdapat tiang, simbol, atau imej sedemikian yang harus dimusnahkan.
- c. Dalam gereja, tidak boleh ada apa-apa selain Kristus; Kristus harus menjadi segala dan dalam segala—Kol. 1:18, 27; 2:2; 3:11.

### **III. Disebabkan kemurtadan, tempat-tempat tinggi, dan perpecahan dalam seluruh dunia agama Kristian, maka tapak kesatuan yang sejati perlu dipulihkan—Ef. 4:2-6, 13; Yoh. 17:11, 14-23; 1 Kor. 10:16-17:**

- A. Menurut wahi divin dalam Wasiat Baru, tapak gereja—tapak kesatuan yang sejati—dikonstitusikan oleh tiga elemen yang amat penting:
  1. Elemen pertama yang mengkonstitusikan tapak gereja ialah kesatuan unik bagi Tubuh Kristus yang universal—Ef. 4:4:
    - a. Kesatuan ini dipanggil “kesatuan Roh itu”—ay. 3.
    - b. Kesatuan ini merupakan kesatuan yang didoakan Tuan dalam Yohanes 17—kesatuan dalam pembauran Tuhan Tritunggal yang terproses dengan semua percayawan dalam Kristus—ay. 6, 11, 14-24.
    - c. Kesatuan ini disalurkan ke dalam roh semua percayawan dalam Kristus semasa mereka dilahirukan oleh Roh hayat dengan Kristus sebagai hayat divin.
  2. Elemen kedua bagi tapak gereja ialah tapak lokaliti yang unik, iaitu tempat suatu gereja lokal didirikan dan wujud—Kis. 14:23; Tit. 1:5; Wahi 1:11.
  3. Elemen ketiga bagi tapak gereja ialah realiti Roh kesatuan, yang mengekspresikan kesatuan unik bagi Tubuh Kristus yang universal di atas tapak lokaliti yang unik bagi suatu gereja lokal—1 Yoh. 5:6; Yoh. 16:13:
    - a. Melalui Roh realiti, yang merupakan realiti hidup bagi Triniti Divin, kesatuan Tubuh Kristus menjadi benar dan hidup.
    - b. Menerusi Roh ini, tapak gereja diaplikasikan menurut hayat dan bukan menurut hukum.
    - c. Melalui Roh ini, tapak gereja yang sejati dapat dikaitkan dengan Tuhan Tritunggal—Ef. 4:3-6.
- B. Gereja, Tubuh Kristus yang organik, adalah tidak berpecah belah dan tidak dapat dibahagikan; Tubuh yang unik ini diekspresikan dalam banyak gereja lokal dalam kesatuan divin seperti yang ada pada Tuhan Tritunggal dan dalam sifat, elemen, esens, ekspresi, fungsi, dan kesaksian divin—Wahi 1:11; Yoh. 17:11, 21, 23.
- C. Kesatuan yang sejati—kesatuan yang menurut sifat Tuhan—merupakan kesatuan yang serba merangkumi dan menyeluruh, yang merangkumi segala hal positif—Mzm. 23:6; 36:8-9; 43:3-4; 84:1-8, 10-12; 92:10; 133:1, 3b:
  1. Apabila kesatuan dipulihkan, segala kekayaan rohani dan segala hal positif dipulihkan bersama dengannya, kerana semua itu wujud dalam kesatuan—Ef. 4:3; 3:8.
  2. Segala hal yang salih dan segala kekayaan rohani menjadi milik kita di atas tapak kesatuan yang sejati—Ul. 8:7-9; 12:12, 26-28.
  3. Kesatuan yang sejati bukan kesatuan yang separa; kesatuan ini kesatuan yang agung, lengkap, menyeluruh, yakni kesatuan pada keseluruhannya—Mzm. 133:1:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Sebelas (sambungan)

- a. Kesatuan ini, seperti yang diwahikan dalam Efesus 4:3-6, merangkumi Tuhan Bapa, Kristus Tuan itu, dan Roh itu sebagai Pemberi hayat.
- b. Kesatuan yang serba merangkumi memberi kita laluan masuk kepada segala virtu dan atribut positif—ay. 1-2.
- D. Kita bersyukur kepada Tuan dan memuji-Nya atas visi berkenaan pemusnah-an tempat-tempat tinggi dan berkenaan pemulihan dan pemeliharaan kesatuan serba merangkumi yang sejati; sememangnya hak istimewa kita dapat mengenali, mengalami, dan menikmati kesatuan ini dalam pemulihan Tuan hari ini—Mzm. 133:1, 3b; Yoh. 17:21-23; Ef. 4:3-6.